
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2006/2007

April 2007

HIS 315 - MU'AMALAT: KONSEP DAN PERLAKSANAAN

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. [a] Muamalat Islam mempunyai kaedah perniagaannya yang tersendiri. Nyatakan TIGA kaedah perniagaan yang berteraskan *akad al-tamlikah* dan jelaskan mengapa akad ataupun kontrak merupakan suatu peraturan yang penting dalam perniagaan Islam.
[40 markah]
- [b] Nyatakan perbezaan antara perkara berikut:
- [i] ***Akad al-Tamlikah*** dengan ***Akad al-Amanah***
 - [ii] **Rukun** dan **Syarat** jual beli
 - [iii] ***al-Murabahah*** dan ***al-Musharakah***
- [60 markah]
2. [a] Huraikan LIMA prinsip perniagaan Islam dan bandingkannya dengan prinsip perniagaan Barat.
[50 markah]
- [b] Jelaskan LIMA asas bagaimana Islam menjadikan muamalat sebagai satu saluran ibadah.
[50 markah]
3. [a] Islam mewajibkan zakat perniagaan.
- [i] Nyatakan LIMA syarat wajib zakat perniagaan
 - [ii] Nyatakan DUA kaedah pengiraan zakat perniagaan
- [40 markah]
- [b] Bincangkan falsafah zakat perniagaan dan kepentingannya kepada masyarakat.
[60 markah]
4. [a] Huraikan LIMA etika peniaga menurut perspektif muamalat Islam.
[50 markah]

- [b] Jelaskan LIMA bentuk urusniaga yang ditegah oleh Islam.
[50 markah]
5. [a] Berikan definisi riba dan jenisnya serta jelaskan mengapa Islam mengharamkan riba.
[50 markah]
- [b] Jelaskan LIMA perbezaan antara untung dan faedah.
[50 markah]
6. [a] Terangkan kedudukan jual beli secara tukaran dalam perkara berikut:
- [i] Daging lembu dengan daging kambing yang sama timbangan secara serentak.
 - [ii] Daging unta dengan daging kambing yang sama timbangan tetapi tidak pada waktu yang sama (tertanggung).
 - [iii] Daging lembu yang telah diproses dengan kambing yang masih hidup.
 - [iv] Emas dengan perak.
 - [v] Barang kemas dengan mata wang asing.
- [50 markah]
- [b] Bincangkan EMPAT teori yang dikemukakan oleh sarjana Barat untuk menghalalkan riba dan hujah al-Maududi dalam masalah tersebut.
[50 markah]